KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI


KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	3/9/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	PERHILITAN			

Taman Negara masih sepi

UM, 3 Sept 2021_31

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my



KAWASAN pintu masuk Taman Negara bakal menerima pelawat setelah penduduk, pengusaha dan penggiat pelancongan di situ memenuhi imuniti kelompok. – UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT: Pusat peranginan hutan tropika, Taman Negara Kuala Tahan masih sepi dan kini cuma dilawati sejumlah kecil pelawat domestik pada hujung minggu.

Kekurangan pengunjung ke taman itu mungkin disebabkan senario Covid-19 masih belum reda selain ramai masih berwaspada kerana Kuala Tahan baru saja tamat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pada 21 Ogos lalu.

Utusan Malaysia dimaklumkan, sehingga kini hanya kira-kira dua peratus pelawat yang telah membuat tempahan bilik penginapan di pusat inap desa milik pengusaha tempatan dan swasta untuk tempoh lawatan pada minggu depan.

Ketua Kampung Kuala Tahan, **Abdul Jalil Abd Rahman** berkata, biarpun jumlahnya pengunjung belum ramai, namun, ia merupakan perkembangan awal pemulihan sektor pelancongan dan hospitaliti di pusat peranginan itu.

Katanya, ia juga memandangkan kawasan berkenaan baharu tamat tempoh PKPD dan masih terdapat laporan ada gejala dan kontak rapat segelintir penduduk kampung berdekatan.

"Lagipun, program suntikan vaksin Covid-19 untuk melengkapi dua dos masih disambung selepas PKPD melibatkan lebih 100 orang penduduk termasuk sebilangan penggiat dan pengusaha pelancongan di sini bagi melengkapkan seramai 1,079 orang memperoleh vaksin penuh sebelum ini.

"Namun, saya yakin dalam masa terdekat, gelembung pelancongan di sini akan pulih dan rancak semula mulai pertengahan bulan ini dan kami masih menunggu kebenaran pihak Pengurusan Taman Negara bagi kemudahan pelawat berekreasi berasaskan prosedur operasi standard (SOP) dan norma baharu," katanya di Kuala Tahan di sini semalam.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kuala Tahan, **Sabri Abdullah** pula berkata, sehingga kini, sudah ada tempahan bilik di pusat inap pengusaha tempatan dan chalet milik swasta dalam kalangan pelawat domestik.

"Saya difahamkan sebanyak dua peratus sahaja pelawat yang membuat tempahan berkenaan untuk mengunjungi pusat peranginan ini mulai cuti hujung minggu depan.

"Kita berharap senario wabak Covid-19 beransur reda selain keseluruhan penggiat dan pengusaha di sini telah menerima dos lengkap minggu ini" katanya.

Sementara itu, Pengerusi Bird Group Taman Negara, **Roslan Abu Kassim** berkata, dia yakin prospek ekopelancongan di taman itu kembali pulih setelah menyepi hampir dua tahun.

"Sekiranya direalisasikan, menerusi kebenaran pihak Pengurusan Taman Negara dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk menjalankan aktiviti di kawasan hutan tropika di sini, kita tetap mengutamakan SOP ketika mengendalikan lawatan," ujarnya.